

NO. SEBUTHARGA : SADA/SH/NRW/67/2025

KENYATAAN SEBUTHARGA

Kontraktor/Pembekal yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) - **Gred G2, kategori CE20** - Sistem Bekalan Air dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta masih dibenarkan membuat kerja-kerja sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai:

KERJA-KERJA PENGGANTIAN PAIP AC BERSAIZ 150mm dia. KEPADA PAIP HDPE PN12.5 BERSAIZ 180mm dia. SEPANJANG 750 METER (m) SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI KAMPUNG GUAR REBAN, MUKIM KUPANG, DAERAH BALING, KEDAH DARUL AMAN

Tarikh Taklimat Tapak : 28/10/2025 (Selasa)
Masa : 11.45 pagi
Tempat : 5.642397, 100.845711 (Google maps)
Kampung Kuala Kupang, Baling
Lawatan Tapak : **WAJIB**

Kontraktor/Pembekal perlu mendaftar terlebih dahulu dengan SADA dengan harga **RM50.00** sebelum membuat pembelian Borang Sebutharga dan Borang sebutharga boleh didapati di tingkat 11, Jabatan Ukur Bahan, Ibu Pejabat Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA) semasa waktu pejabat (**8.30 pg - 12.30 tgh dan 2.30 ptg – 4.00 ptg**) dengan harga **RM 50.00** pada **30/10/2025 hingga 06/11/2025**.

Kontraktor/Pembekal yang menyertai Sebutharga di atas hendaklah membawa bersama Sijil Asal dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) semasa mendapatkan Borang Sebutharga. Hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Pendaftaran atau wakil yang diberi kuasa yang dibenarkan membeli dokumen Sebutharga.

Borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tender/Sebutharga di Ibu Pejabat Syarikat Air Darul Aman, Aras Bawah (bersebelahan kaunter bayaran), Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. Jalan Sultan Badlishah 05582 Alor Setar Kedah sebelum atau pada jam **12.00 tengahari** bertarikh **06/11/2025**.



Sertai Saluran Telegram Kami
Tender & Sebut Harga SADA
<https://t.me/iklansebuthargatenderSADA>
Untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami